



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM.



LPJ/IP/OPS/24JLD2(78)

05 JUN 2016

NOTIS PELABUHAN BIL. 44 / 2016

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

Kepada : **Operator Pelabuhan, Pemilik / Operator Jeti Persendirian, Syarikat Perkhidmatan Pengendalian dan Semua Pengguna Pelabuhan.**

Perkara : **Pelaksanaan Peraturan VI/2 *Safety Of Life at Sea (SOLAS)* berkaitan Pengesahan Berat Kasar Kontena Berkargo (*Verified Gross Mass-VGM*) dan *Standard Operating Prosedur (SOP)* di Pelabuhan (Johor Port Berhad-JPB dan Pelabuhan Tanjung Pelepas-PTP) .**

Tarikh Berkuat kuasa : **1 Julai 2016.**

Perkara di atas dirujuk.

2. Notis ini memberi maklumat terhadap pematuhan ke atas Peraturan VI/2 SOLAS berkaitan VGM kontena dan SOP di Pelabuhan (Johor Port Berhad-JPB dan Pelabuhan Tanjung Pelepas-PTP).

3. Dimaklumkan bahawa *International Maritime Organization (IMO)* telah membuat pindaan ke atas Peraturan VI/2 SOLAS berkaitan dengan keperluan VGM kontena bermuatan yang akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai **1 Julai 2016**. Peraturan tersebut menghendaki semua kontena bermuatan hendaklah mempunyai VGM.

4. Peraturan tersebut juga menetapkan pihak *Shipper* bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat VGM sebelum kontena boleh dimuat naik ke kapal bagi tujuan eksport. Sementara itu, pihak kapal juga boleh menolak mana-mana kontena sekiranya tiada maklumat VGM diperolehi.

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG)	:	07-253 4000 (TEL.) 07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS)	:	07-507 1978 (TEL.) 07-5071976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA	:	02-6545 3230 (TEL.) 02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB	:	http: www.lpj.gov.my email :admin@lpj.gov.my

5. Sementara itu, berikutan daripada pelaksanaan peraturan ini, *IMO* juga telah mengeluarkan satu pekeliling tambahan iaitu *MSC.1/Circ.1548* bertarikh 23 Mei 2016. Pekeliling ini membenarkan pendekatan yang pragmatik dan praktikal diambil apabila menentukan kepatuhan kepada peraturan *SOLAS VI/ 2.4* sehingga *VI/ 2.6* untuk tempoh 3 bulan selepas 1 Julai 2016 bagi tujuan berikut:

- i. Membenarkan kontena bermuatan tanpa *VGM* yang dimuat naik ke atas kapal sebelum 1 Julai 2016 dan masih dalam *transship* pada atau selepas 1 Julai 2016 untuk terus dihantar ke pelabuhan pemunggaan terakhir.
- ii. Memberi peluang semua pihak berkepentingan dalam pengangkutan kontena untuk menambah baik segala prosedur dokumentasi, komunikasi dan perkongsian maklumat *VGM*.

6. Bersama-sama ini, disertakan salinan dokumen-dokumen berkaitan untuk rujukan:


- i. Peraturan *VI/2 SOLAS MSC.1/Circ.1475*.
- ii. Maklumat tambahan *MSC.1/Circ. 1548*.
- iii. *General SOP* berserta caj bagi pelabuhan (*JPB* dan *PTP*).

7. Perhatian tuan juga dirujuk kepada Notis Perkapalan Malaysia-NPM 02/2016 bertarikh 11 Januari 2016 dan Notis Perkapalan Malaysia-NPM 05/2016 bertarikh 3 Jun 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN

Yang benar



MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor